

Headline	TH umum tiga lantikan baharu		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	26 Feb 2020	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	34	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	422 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,932
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,796



TH umum tiga lantikan baharu

KUALA LUMPUR: Lembaga Tabung Haji (TH) semalam mengumumkan tiga lantikan baharu pengurusan kanan institusi itu dalam usaha mengukuhkan lagi pentadbiran kewangan dan pelaburannya.

Dalam satu kenyataan, TH berkata, Datuk Merina Abu Tahir dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan berkuat kuasa pada 5 Februari lepas, Mohamad Damshal Awang Damit sebagai Ketua Pegawai Pelaburan (berkuat kuasa pada 20 Januari 2020) manakala Muhammad Fawwaz Aminuddin sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik (berkuat kuasa pada 11 Februari 2020).

Merina merupakan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA), Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Akauntan Profesional Bertauliah ASEAN (ASEAN CPA) dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

"Merina mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun bekerja di pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk multinasional, institusi kewangan dan amalan audit serta berpengalaman luas dalam pengurusan umum, kewangan, komersial, pembangunan perniagaan, dan audit dalaman serta luaran.

"Selain pernah dilantik sebagai ahli Majlis MIA pada Disember 2016 hingga November 2019, beliau juga merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia," kata kenyataan itu.

Mohamad Damshal pula merupakan lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of Toledo, Ohio, Amerika Syarikat dan adalah pemegang charter sebagai Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA). Sebelum menyertai semula TH, Mohamad Damshal merupakan Ketua Pelaburan

Ekuiti dan Pendapatan Tetap di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Malaysia.

Beliau juga mempunyai pengalaman kerja lebih daripada 26 tahun dalam bidang seperti pengurusan pelaburan domestik dan luar negara, analisa kredit serta kawal selia risiko termasuk pernah bertugas

sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat dana pelaburan komersial.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat di TH dari 1999 sehingga 2003 di bahagian perancangan korporat dan pernah mengetuai pengurusan portfolio pelaburan pendapatan tetap.

Sementara itu, Muhammad Fawwaz yang merupakan pemegang CFA dari CFA Institute dan Akauntan Bertauliah (ACA) Institute of Chartered Accountants di England & Wales (ICAEW), dilantik sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik bagi meningkatkan potensi pelaburan aset strategik TH. - Bernama



MOHAMAD Damshal Awang Damit sebagai Ketua Pegawai Pelaburan.



MUHAMMAD Fawwaz Aminuddin sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik.



DATUK Merina Abu Tahir dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan.